



قجابت ستياوسها كراجا ن جوهر بهاكين خدمت قشوروسن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Telefon: Pejabat Am: 07-266 6070/71

Faks: 07-290 9955 (TSUK)/07-290 9022 (Pentadbiran)/07-290 8077 (Kewangan)

Laman Web: www.johor.gov.my/sukj

Ruj Kami : SUKJ. BKP. 100-1/3/3 ( ٩ )

Tarikh : 6 Mei 2020

**Semua Jabatan Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor**  
**Semua Badan Berkanun Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri / Persekutuan Johor**  
**Semua Agensi Swasta dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan**

YB Dato'/ YDH Dato'/ YBhg. Datuk/ YBM Tunku / Tuan / Puan,

**PINDAAN TARIKH HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG BAGI TAHUN 2020**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor di mesyuaratnya pada **22/4/2020** menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil **576/2020** iaitu Kertas Bil. (2) telah **BERSETUJU** dengan:

2.1. Pindaan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 2020 ditukar daripada Sabtu, 6 Jun 2020 kepada Hari Isnin, 8 Jun 2020.

2.2. Mulai Tahun 2021 dan sepanjang tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI, Hari Keputeraan Baginda adalah pada Isnin pertama bulan Jun setiap tahun.

3. Bersama-sama ini dilampirkan senarai Hari Kelepasan Am Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2020 yang telah dipinda untuk makluman dan tindakan YB Dato'/ YDH Dato'/ YBhg. Datuk/ YBM Tunku / Tuan / Puan jua. Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI MOHD NOH BIN IBRAHIM)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. Setiausaha Kerajaan Johor

s.k. - YB Dato' Haji Azmi bin Rohani  
PENYAMPAIN BERKESAN RAKYAT SEJAHTERA"  
Setiausaha Kerajaan Johor

## HARI-HARI KELEPASAN AM NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2020

BIL	HARI KELEPASAN AM	TARIKH	HARI
1	Tahun Baru Cina	25 Januari	Sabtu
	Tahun Baru Cina (Hari Kedua)	26 Januari	Ahad
2	Hari Thaipusam **	8 Februari	Sabtu
3	Hari Keputeraan Rasmi DYMM Sultan Johor **	23 Mac	Isnin
4	Awal Ramadan **	24 April	Jumaat
5	Hari Pekerja	1 Mei	Jumaat
6	Hari Wesak	7 Mei	Khamis
7	Hari Raya Puasa *	24 Mei	Ahad
	Hari Raya Puasa (Hari Kedua) *	25 Mei	Isnin
<b>8</b>	<b>Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong</b>	<b>8 Jun</b>	<b>Isnin</b>
9	Hari Raya Qurban *	31 Julai	Jumaat
10	Awal Muharram (Maal Hijrah)	20 Ogos	Khamis
11	Hari Kebangsaan	31 Ogos	Isnin
12	Hari Malaysia	16 September	Rabu
13	Hari Hol Almarhum Sultan Iskandar **	24 September	Khamis
14	Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. (Maulidur Rasul)	29 Oktober	Khamis
15	Hari Deepavali *	14 November	Sabtu
16	Hari Krismas	25 Disember	Jumaat

**Catatan :**

- \* Tertakluk kepada pindaan
- \*\* Hari Kelepasan Am Negeri

**Peringatan :**

Apabila hari kelepasan itu jatuh pada hari kelepasan Mingguan (Jumaat), maka hari tersebut digantikan dengan Hari Ahad dan jika hari Ahad itu pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan Am.